


OIC perlu agresif, radikal tangani kekejaman Israel

Dr Mohd Noor Yazid



NEGARA dan organisasi dianggotai negara Islam perlu memainkan peranan lebih agresif dan radikal dalam usaha menangani kekejaman berterusan Israel ke atas rakyat Palestin, yang nampaknya tidak berkesudahan sejak penubuhan haram negara Israel pada 1948.

Hingga kini kita tidak begitu nampak dengan jelas peranan yang benar-benar berkesan dimainkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam menyelesaikan masalah Islam Palestin walaupun antara matlamat utama penubuhannya, bagi membantu dan menyelesaikan masalah Palestin.

Sesuatu yang perlu dilihat secara mendalam dan dibincangkan dengan teliti ialah unsur ketenteraan yang boleh digunakan oleh negara anggota OIC dalam membantu umat Islam sedunia. Perbincangan dan penyelesaian masalah secara 'diplomasi lembut' nampaknya kurang berjaya dalam menghadapi keganasan Israel ini.

Saya melihat beberapa langkah dan pengstruktur semula OIC perlu difikir secara mendalam oleh negara-negara anggota. Ini tidak sekali-kali bermaksud, kita mahu

berperang dengan Israel sebaliknya mahu mengimbangi kuasa tentera yang digunakan oleh Israel secara kekerasan terhadap umat Islam Palestin dan isu yang berkaitan.

Kekerasan mesti dilawan dengan kekerasan kerana jika kekerasan tidak dilawan dengan kekerasan, kita akan terus ditindas dan tidak akan terus dibela. Dalam rencana ringkas ini, saya mencadangkan beberapa perkara yang saya fikir perlu dilakukan segera oleh semua negara anggota OIC, termasuk Malaysia.

Pertama, OIC mesti mengambil kira unsur ketenteraan dalam operasi dan perbincangan penyelesaian masalah berkaitan dengan penindasan serta keganasan Israel ini. Ini bermakna dalam keadaan tertentu, tindakan dan keganasan dilakukan Israel, pihak OIC akan bertindak balik melalui ketenteraan.

Walaupun jika ia mungkin ber-canggah dengan undang-undang awam antarabangsa, kerana pihak Israel tidak pernah menghiraukan undang-undang dan prinsip yang digariskan oleh undang-undang antarabangsa dan PBB.

Di sini kita perlu mengubah daripada pendekatan lembut melalui perspektif 'liberalism' kepada prinsip digariskan dalam perspektif 'realism' yang melihat bahawa dalam agenda antarabangsa, faktor ketenteraan dan keselamatan dianggap sebagai 'high politics' dalam pembahagiannya dan ia memainkan peranan lebih penting.

Keduanya, OIC mesti meletakkan bahawa sebarang unsur keganasan dilakukan Israel dalam apa juga bentuk dan alasan yang diberikan, adalah suatu yang salah dan 'jahat'. Ia mesti ditentang oleh semua negara anggota OIC tanpa pengecualian. Jika ada negara anggota yang tidak menetapkan pendirian sedemikian, ini akan melemahkan semua negara Islam dan keputusan yang diberikan.

Ketiganya, semua negara anggota OIC tidak sekali-kali boleh berada dan bersifat berkecuali dalam pengundian terhadap keputusan

“ Lima garis kasar ini difikirkan sebagai cetusan awal yang mungkin berguna dalam usaha menggerakkan OIC mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan. Unsur dan tindakan bersifat ketenteraan ini dirasakan amat perlu dengan perkembangan semasa yang berlaku dan apa yang dilakukan oleh Israel terhadap umat Islam Palestin dan isu-isu yang berkaitan”

keganasan Israel. Jika ada walaupun sebuah negara yang bersifat 'berkecuali' akan menyebabkan sesuatu keputusan yang dibuat, menjadi lemah.

Ini mungkin menjadi masalah kepada beberapa negara anggota yang mempunyai hubungan rapat dengan sekutu kuat Israel, iaitu Amerika Syarikat. Ini dapat diatasi jika negara yang sedemikian meletakkan Islam itu lebih utama dan kepentingan melihat kepada kepentingan jangka panjang umat Islam.

Keempat, sebarang ancaman Israel dan sekutunya ke atas mana-mana bahagian bumi Palestin atau mana-mana negara Islam, mesti dianggap sebagai ancaman ke atas semua negara anggota. Jika ini betul-betul dapat difahami dan dilaksanakan, maka apa saja tindakan Israel ke atas mana-mana negara seolah-olah menyerang semua negara Islam dan akan menerima tindakan balas semua negara Islam.

Jika ini benar-benar dilaksanakan, maka pihak Israel dan sekutunya akan berfikir dengan lebih teliti sebelum bertindak dan mengangas terhadap Palestin dan umat Islam serta perkara yang berkaitan. Israel berasa berani bertindak terhadap Palestin kerana, apa yang dirasai Palestin tidak dikongsi dalam bentuk tindakan bersama. Kalau tindakan secara kolektif dilakukan terhadap Israel, mereka akan lebih berhati-hati dan akan takut untuk bertindak.

Akhir sekali, kelimanya - struktur dan garis panduan pembentukan pakatan tentera di antara negara anggota OIC mesti dilakukan dengan jelas dan sistematik. Antaranya, berapa jumlah anggota tentera yang disumbangkan setiap negara anggota, struktur kepemimpinan tentera, pusat kawalan dan operasi ketenteraan yang akan dijalankan.

Ini penting agar apabila timbul saja keadaan yang diperlukan, ia boleh digerakkan dengan segera. Latihan ketenteraan bersama negara anggota OIC misalnya perlu diadakan sekali-sekala bagi meningkatkan persefahaman dan rasa erat kerjasama. Ini akan melicinkan apabila operasi sebenar dilakukan bila perlu.

Lima garis kasar ini difikirkan sebagai cetusan awal yang mungkin berguna dalam usaha menggerakkan OIC mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan. Unsur dan tindakan bersifat ketenteraan ini dirasakan amat perlu dengan perkembangan semasa yang berlaku dan apa yang dilakukan oleh Israel terhadap umat Islam Palestin dan isu-isu yang berkaitan. Ini bukan bermakna mengubah OIC sebagai sebuah pakatan ketenteraan, tetapi hanya sebagai satu penyesuaian dengan perkembangan semasa yang berlaku.

Penulis ialah Prof Madya di Program Hubungan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah.